



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (5) 02/02

MESYUARAT KEDUA MENTERI-MENTERI PERTAHANAN NEGARA AHLI *ISLAMIC MILITARY COUNTER TERRORISM COALITION* (IMCTC) 3 FEBRUARI 2024, RIYADH ARAB SAUDI

YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, telah menghadiri Mesyuarat Kedua Menteri-Menteri Pertahanan Negara Ahli *Islamic Military Counter Terrorism Coalition* (IMCTC) yang berlangsung pada 3 Februari 2024 di Riyadh, Arab Saudi semalam. Mesyuarat ini yang dihadiri oleh 42 negara ahli diadakan bertujuan untuk membincangkan inisiatif yang bersesuaian dan akan diterajui oleh negara ahli dalam usaha sejangat untuk menangani ancaman ekstremisme dan keganasan di peringkat global melalui empat domain utama iaitu menyekat penyebaran ideologi, komunikasi, menyekat pembiayaan penganas dan kerjasama ketenteraan. Malaysia telah menempatkan 2 orang pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke Counter-Terrorism Centre (CTC) IMCTC bermula tahun 2023 bagi memperlihatkan komitmen negara dalam melawan keganasan di peringkat rantau dan antarabangsa.

Negara-negara ahli IMCTC secara kolektif bersepakat untuk menerajui inisiatif yang berkaitan sama ada dalam bentuk pemberian dana, latihan, kepakaran dan kemahiran. Mesyuarat Kedua IMCTC telah menyambut baik cadangan Malaysia untuk menerajui inisiatif Program Pembangunan Literasi Teknologi Maklumat dan Ketahanan Digital yang merangkumi membangun, mencipta, menghasilkan dan menyiarkan kandungan media berkaitan keganasan dan ekstremisme dalam kalangan belia negara anggota IMCTC.

Bagi menzahirkan hubungan baik kerjasama pertahanan Malaysia dengan Arab Saudi, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut memenuhi jemputan Kerajaan Arab Saudi untuk melawat ke *World Defense Show* (WDS) yang berlangsung mulai 4 hingga 8 Februari 2024. WDS 2024 adalah salah satu platform penting yang menghimpunkan pelbagai pemain industri pertahanan dalam mengetengahkan kelengkapan berasaskan teknologi terkini merangkumi domain darat, udara, laut dan siber.

Dalam lawatan singkat ini, YB Timbalan Menteri Pertahanan dan delegasi berkesempatan untuk mengadakan pertemuan dengan pemain-pemain utama industri pertahanan antarabangsa bagi mendapatkan perkembangan terkini kelengkapan dan aset pertahanan. Kehadiran delegasi Kementerian Pertahanan ke WDS 2024 juga telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk mempromosikan Pameran *Defence Services Asia 2024 & National Security Asia 2024* (DSA 2024 & NATSEC Asia 2024) yang akan diadakan mulai 6 hingga 9 Mei 2024 di Kuala Lumpur.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
5 Februari 2024

Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur, Malaysia



Kementerian Pertahanan Malaysia



mindefmalaysia



MINDEFMalaysia



www.mindef.gov.my



mindefmalaysia